

Tingkatkan keselamatan di pantai untuk elak kejadian lemas

Published on: Feb 8, 2012 @ 6:08

06/02/2012, Berita Harian

KUALA LUMPUR: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menggesa agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan supaya meningkatkan tahap keselamatan di sepanjang pantai di negara ini berikutan peningkatan jumlah kematian akibat lemas setiap tahun.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata strategi pengurusan perlu turut dirangka dan dilaksanakan secara berkesan untuk mengelak kematian akibat lemas.

"Kita memerlukan strategi bagi pantai yang selamat, bebas daripada kes mati lemas. Ia bukan untuk menghalang orang ramai daripada bergembira, atau menegah mereka daripada berada dalam air. Kami mahu mereka selamat semasa berbuat demikian," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. -

BERNAMA